

KUTKM tawar lapan kursus baru

Archival News | Berita Harian | 21/10/2002

KOLEJ Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) menawarkan lapan kursus baru peringkat sarjana muda, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan program yang ditawarkan itu kepada 22 pengkhususan, termasuk peringkat diploma.

Program baru yang ditawarkan ialah kejuruteraan mekanikal membabitkan dua pengkhususan iaitu reka bentuk dan inovasi, dan automotif, manakala kejuruteraan elektronik tiga pengkhususan (elektronik telekomunikasi, elektronik kuasa dan pemacu, dan kawalan, instrumentasi dan automasi).

Sementara itu, fakulti kejuruteraan pembuatan menawarkan dua kursus iaitu reka bentuk pembuatan, dan robotik dan automasi manakala satu kursus adalah di bawah fakulti teknologi maklumat dan komunikasi iaitu pangkalan data.

Rektornya, Datuk Dr Ruddin Ab Ghani, berkata pada 2003 universiti itu akan menawarkan lima kursus peringkat pasca siswazah membabitkan kejuruteraan elektronik, kejuruteraan elektrik, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan pembuatan dan teknologi maklumat dan komunikasi, kesemuanya peringkat doktor falsafah dan sarjana.

Katanya, bagi sesi 2003/2004, seramai 1,500 pelajar ditawarkan tempat bagi melanjutkan pengajian pada peringkat sarjana muda dan diploma, pertambahan itu menjadikan pelajar keseluruhan kolej universiti itu kepada 3,000.

Dalam pada itu, katanya bagi menjana perhubungan pintar dengan pihak industri, KUTKM menukuhkan Pusat Universiti-Industri dengan memberi tumpuan kepada tiga bidang utama iaitu Pengajian Pasca Siswazah, Penyelidikan dan Pembangunan, dan Perundingan dan Keusahawanan.

(END) Source : Berita Harian